

Malaysia sedia bantu atasi kemiskinan negara Islam: PM

BH - 24/7/2004: 2 Perdana

Daripada Hishamuddin Aun

LONDON: Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dan kepakarannya untuk membantu mengatasi masalah kemiskinan yang menjadi punca pelbagai permasalahan di negara Islam, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, langkah atau kaedah yang bakal diperkenalkan Malaysia nanti didasarkan kepada kejayaannya mengatasi masalah itu secara berperingkat sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970.

"Ya, saya sudah pun mempunyai rancangan yang akan diumumkan sedikit masa lagi selepas ia dibincang-

kan dengan rakan-rakan dalam OIC (Pertubuhan Persidangan Islam)," katanya pada dialog selepas menyampaikan ucapan bertemakan 'Cabaran dan prospek bagi Malaysia pada alaf ini' di The Park Lane Hotel di sini, semalam.

Majlis anjuran bersama Suruhanjaya Tinggi Malaysia dan Asia House itu dihadiri kira-kira 200 tokoh perniagaan tempatan.

Perdana Menteri sebelum itu ditanya seorang wakil Gabungan Pertubuhan Islam United Kingdom dan Ireland mengenai peranan Malaysia selaku pengerusi OIC untuk membantu membawa keluar negara Islam daripada belenggu kemunduran.

Sambil menganggap Malaysia sebagai sebuah cerita kejayaan yang menjadi kebanggaan dunia Islam hasil ekonominya yang berkembang pesat, wakil itu menyarankan agar Abdullah berkongsi kepakaran dengan negara Islam yang memerlukan bantuan.

Perdana Menteri akur bahawa politik semata-mata tidak akan mence-

tuskan pembangunan yang dihajati di kalangan ummah melainkan pelan konkrit dilaksanakan bagi membawa kemajuan.

"Di sinilah saya percaya Malaysia boleh membuat sumbangan istimewa, terutama kerana kami memang amat berpengalaman dalam mengatasi kemiskinan dan kami berusaha bersungguh-sungguh mencapai objektif itu hingga ke hari ini," katanya.

Ketika ditemui kemudian, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kaedah yang bakal diperkenalkan OIC atas inisiatif Malaysia itu bermirip kepada tabung 'Millenium Goal' yang dicadangkan Perancis.

"Pak Lah berasakan setiap negara anggota OIC hendaklah bekerjasama dan menyumbangkan sesuatu dalam bentuk kepakaran untuk dimanfaatkan oleh negara Islam keseluruhannya," katanya.

Terdahulu, dalam ucaptamanya, Perdana Menteri menegaskan ajaran Islam sebenar adalah penyuluh dan pemangkin kemajuan dan pemodenan tanpa agama itu boleh dipersalahkan jika sesebuah negara dilanda kemiskinan atau kemunduran.

Katanya, Malaysia sudah menunjukkan jalan bahawa Islam sebenarnya bukanlah rintangan kepada kemodenan dan demokrasi atau halangan

kepada pembangunan pesat ekonomi, toleransi dan saling hormat tanpa mengikut anutan, mahupun budaya dan kumpulan etnik.

"Islam di Malaysia tidak menganjurkan pertembungan ketamadunan, sebaliknya menyemarakkan pelbagai tamadun. Inilah mesej yang menuntut kumpulan sasar yang lebih besar," katanya.

Ketika mengunjungi Pusat Islam London petang semalam, Abdullah mengulangi bahawa adalah menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia dalam mengharapakan kebahagiaan di akhirat.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikan sumbangan kerajaan Malaysia berjumlah 10,000 pound (RM70,500) kepada pusat berkenaan.

Abdullah turut menunaikan solat Jumaat di Masjid London Timur di Jalan Whitechapel, di sini.

Beliau yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Britain, menyertai kira-kira 5,000 jemaah menunaikan solat yang diimamkan oleh SM Abdul Qayum, imam masjid berkenaan.

Masjid itu adalah yang terbesar dan tertua di United Kingdom dan menurut sejarahnya, sebelum dijadikan masjid, ia adalah tiga rumah sederet. Ia mula digunakan pada 1 Ogos 1941 dan menjadi masjid pertama di London.